

570:

MAHATHIR

1975

ALOR STAR, 11 OKT (BERNAMA) — MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU SEDAR ADANYA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND YANG MEMBUAT KECAMAN TERHADAP KERAJAAN MALAYSIA.

MENURUT BELIAU, PARA PELAJAR TERSEBUT BERTINDAK DEMIKIAN SETELAH DIHASUT OLEH PELAJAR-PELAJAR ASING YANG BERTALUAN KIRI.

BELIAU MEMBUAT KENYATAAN ITU DALAM CERAMAHNYA MENGENAI +GURU-GURU DAN KEADAAN SEKARANG+ DI STADIUM DATUK SYED OMAR DI SINI HARI INI. KIRA-KIRA 1,000 ORANG GURU DARI SELURUH NEGERI INI HADIR DI MAJLIS ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA, SETENGAH PELAJAR MALAYSIA DI KEDUA NEGARA ITU MEMBUAT KECAMAN TERHADAP KERAJAAN SEMATA-MATA SEBAGAI ALASAN SUPAYA MEREKA BOLEH TERUS TINGGAL DI KEDUA NEGARA ITU. — BERSAMBUNG 1810/A1

571:

MAHATHIR 2 ALOR STAR

+SEBILANGAN KECIL PELAJAR INI INGIN MENJADI WARGANEGARA AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND DAN MEREKA MENDAKWA JIKA PULANG KE MALAYSIA MEREKA AKAN DITANGKAP,+ KATA BELIAU.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN JIKA PELAJAR ITU TERLIBAT DALAM KEGIATAN YANG BOLEH MEROSAKKAN KERAJAAN KETIKA BELAJAR DI SEBERANG LAUT MEREKA MEMANGNYA DITAHAN SEKEMBALINYA KE SINI.

TERDAHULU DARI ITU, DR. MAHATHIR MEMBERITAHU GURU-GURU ITU, MEREKA BOLEH MEMAINKAN PERANAN PENTING MEMBANTU KERAJAAN MENGHADAP DUA MASALAH BESAR — ANCAMAN KOMUNIS DAN INFLASI.

KATANYA, RAKYAT MESTILAH SENTIASA BERWASPADA TERHADAP ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS OLEH KERANA 'MUSUH NEGARA INI AKAN MELAKUKAN APA SAJA UNTUK MEROSAKKAN KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA,' KATANYA. — BERSAMBUNG 1814/A1

575:

MAHATHIR 3 ALOR STAR

BELIAU BERKATA, PERISTIWA BARU-BARU INI MENUNJUKKAN BAHAWA PENGGANAS KOMUNIS TIDAK SAJA MENUMPUKAN KEGIATAN DI HUTAN TETAPI JUGA DI BANDAR-BANDAR BESAR.

BELIAU MENYATAKAN, PENGGANAS TERSEBUT SEDANG MELAKUKAN SEGALA USARA UNTUK MELEMAHKAN KERAJAAN DENGAN MENIMBULKAN PERSELISIHAN FANAS DAN MEROSAKKAN PERPADUAN RAKYAT.

BILA PERTIKIRAN KAUM BERLAKU KERAJAAN TERPAKSA MENUMPUKAN USARA UNTUK MEMBETULKAN KEADAAN ITU. ANGGUTA PASUKAN KESELAMATAN DAN POLIS YANG DIPERLUKAN UNTUK MENENTANG KOMUNIS TERPAKSA PULA DISURUHAN UNTUK MENGEMBALIKAN KEAMANAN DAN KETENTERAMAN.

MENURUT BELIAU PADA MASA INI TIDAK PERLU KEADAAN DARURAT DIISYTIHARKAN, WALAUPUN ADANYA ANCAMAN KOMUNIS DAN INFLASI KERANA KITA TIDAK MAHU MODAL ASING DIBAWA KELUAR NEGERI DAN KITA PERLUKAN WANG UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA.+ — BERNAMA. 1824/BY